



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 30 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KESAN TERBURUK MASIH BELUM BERLAKU, WAWANCARA, MINGGUAN MALAYSIA 12 & 13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	35 TAN MAKANAN HAIWAN TANPA PERMIT DIRAMPAS, NEGERI KELANTAN, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	UNGGAS BAWA WABAK, LOKAL, METRO AHAD -13	
4.	330 BURUNG AFRIKA POSITIF INFLUENZA, NEGARA, KOSMO AHAD -14	
5.	LIMA TAHUN PESAWAH DERITA BERDEPAN MASALAH KURANG AIR, NEGARA, KOSMO AHAD -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MINGGUAN MALAYSIA: Apa itu sekuriti makanan dan mengapa ia penting kepada negara?

RONALD: Sekuriti Makanan seperti yang didefinisikan oleh Organisasi Makanan dan Pertanian, adalah situasi yang dicapai apabila "semua penduduk pada bila-bila masa mempunyai akses secara fizikal, sosial dan ekonomi untuk memperoleh makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan diet dan pilihan makanan bagi membolehkan mereka menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat".

Sejauh mana pandemik Covid-19 memberi kesan terhadap keselamatan makanan negara?

Kerajaan sentiasa mendahulukan rakyat dalam usaha untuk memperkuatkan sekuriti makanan negara. Temubual ini amat bertepatan dengan senario semasa negara yang berhadapan dengan pelbagai jenis krisis berikutan penularan pandemik COVID-19 yang seterusnya memberi impak kepada kehidupan seharian rakyat biasa mahupun perniagaan. Kebanyakan negara telah mula mengenakan *lockdown* atau Perintah Berkurung berulang kali bagi menangani pandemik ini. Sememangnya langkah ini telah mengakibatkan pelbagai isu sekuriti makanan menjadi lebih kritikal di peringkat global dan secara tidak langsung telah memberi kesan kepada semua isi rumah khususnya golongan rentan. Impak ini dijangka berterusan sepanjang tahun 2021 dan seterusnya.

Adakah Covid-19 beri kesan terhadap usaha kerajaan untuk mencapai matlamat sifar kebuluran?

Situasi Covid-19 yang sedang melanda dunia pada hari ini adalah agak sukar diramalkan kerana sifatnya yang dinamik dan mudah berubah-ubah. Berdasarkan kenyataan Organisasi Kesihatan Dunia, kesan terburuk masih belum berlaku. Oleh itu, kita tidak boleh menafikan kenyataan bahawa pandemik COVID-19 telah melemahkan usaha-usaha untuk mencapai sifar kebuluran.

SEKURITI MAKANAN
Apa dasar kerajaan memperkasa sekuriti makanan?

Antara lain, menerusi Dasar Pertanian Negara yang telah bermula dengan tumpuan untuk memastikan ketersediaan makanan yang mencukupi sehinggalah kepada inisiatif untuk menjamin kemaamanan sistem makanan. Sistem makanan merangkumi semua aktiviti yang berkaitan dengan pengeluaran, pemrosesan, pengedaran, penyediaan termasuklah keselamatan makanan dan pemakanan.

Sejauh mana dasar membabitkan pertanian memberi impak positif terhadap keselamatan makanan?

Dasar Pertanian Negara pertama pada tahun 1984 memberi tumpuan kepada kemiskinan luar bandar dan jurang pendapatan antara petani

Kesan terburuk masih belum berlaku

MUKADIMAH

SELEPAS lebih setahun dunia dibadai pandemik Covid-19, pelbagai sektor sedang 'tenat' bergelut untuk terus bertahan.

Dalam situasi yang sangat mencabar, yang menyaksikan perdagangan antarabangsa menyusut 21 peratus pada suku ketiga 2020, trend itu sekali gus memperlihatkan industri import dan eksport bahan makanan terjejas teruk. Seperti semua sedia maklum, hal ini dikhuatiri mengundang bencana ke atas sektor keselamatan makanan negara.

Soalnya, sejauh mana pandemik memberi kesan terhadap

keselamatan makanan negara? Adakah Malaysia bakal menyaksikan bencana makanan yang buruk susulan Covid-19?

Wartawan *Mingguan Malaysia*, **ROSHIHAN ANNUAR YUB** dan **FAHMI FAIZ** menemubual Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), **DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE** secara atas talian bagi mendapatkan penjelasan.



komersial dan tradisional. Manakala, Dasar Pertanian Negara kedua menumpukan kepada produktiviti, daya saing, R&D, pembangunan sumber manusia dan penglibatan sektor swasta. Dasar Pertanian Negara ketiga pula memberi penekanan kepada usaha untuk menangani impak pasca Krisis Kewangan Asia 1997-1998 ke arah meningkatkan bekalan makanan, produktiviti merentasi sektoral, dan pembangunan mampan. Melangkah ke hadapan, Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 telah digubal untuk menyokong pengembangan komoditi agromakanan yang memberikan perhatian terhadap sekuriti makanan. Fokus lain termasuk menambahkan proses tambah nilai dan nilai pendapatan eksport pertanian yang lebih tinggi.

KESAN PKP

Kini selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), adakah ia memberi kesan terhadap sekuriti makanan?

Gangguan pada sistem makanan sewaktu fasa awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh negara tempoh hari, jelas menunjukkan terdapat jurang dalam sistem makanan negara. Wabak ini telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam rantaian bekalan makanan negara dari segi logistik khususnya, apabila petani menghadapi kesukaran untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka.

Ada sektor makanan lain yang turut terjejas akibat PKP?

Selain itu, sektor agromakanan juga menghadapi cabaran dari segi pengimportan memandangkan negara-negara sumber import telah melaksanakan dasar perlindungan



Wabak ini telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam rantaian bekalan makanan negara dari segi logistik khususnya, apabila petani menghadapi kesukaran untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka."

untuk beberapa komoditi penting seperti beras.

Adakah gangguan ini berjaya diatasi?

Ya, gangguan dalam rantaian bekalan makanan negara ini berjaya diatasi oleh kerajaan melalui hasil kerjasama antara kementerian dan agensi yang terlibat, tindakan pantas dan efektif telah diambil untuk menyelesaikan pelbagai masalah bagi memastikan kelancaran rantaian bekalan makanan sepanjang masa.

TENAGA ASING

Bagaimana pula dengan tenaga asing yang terlibat dalam sektor agromakanan? Sejauh mana pandemik menjejaskan kumpulan ini dan apa kesannya terhadap industri?

Kita sentiasa berwaspada memandangkan ketika ini,

kebergantungan sektor agromakanan terhadap guna tenaga asing adalah tinggi. Sehingga 2019, pekerja asing merangkumi 12.4 peratus atau 59,612 pekerja daripada jumlah keseluruhan iaitu seramai 480,557 pekerja dalam sektor agromakanan.

ADAPTASI

Bagaimana kerajaan mengadaptasi sektor makanan dalam musim pandemik ini?

Langkah mitigasi yang diambil bagi melandaikan keluk pandemik ini telah menguji daya tahan sistem makanan negara dalam mengatasi kejutan ekonomi dan ketidakpastian. Langkah-langkah yang diambil ini telah menyebabkan kesan limpahan terhadap keseluruhan rantaian sistem makanan dan sekuriti makanan negara sehingga menyaksikan banyak norma baharu terpaksa dilaksanakan dan sudah tiba masanya untuk kita mengkaji semula dasar sekuriti makanan negara.

Maksudnya?

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC). Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri ini bertujuan untuk merangka dasar, strategi dan pelan tindakan sekuriti makanan negara yang holistik dan mampan ke arah memperkuatkan sistem dan sekuriti makanan negara.

Apa tindakan telah dilaksanakan jawatankuasa itu?

Empat Kluster Dasar Sekuriti Makanan Negara telah dibentuk merentasi kementerian dan agensi untuk memantau dan mengesyorkan

cadangan-cadangan berkaitan sekuriti makanan negara. Peranan kluster-kluster ini dirangka berlandaskan tumpuan utama sekuriti makanan iaitu ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan makanan dan pemakanan serta kestabilan dan kemampunan yang berkait rapat dengan ketahanan sistem makanan. Selaras dengan penubuhan FSCC, sebuah unit khas juga telah dibentuk di bawah kementerian dan ditugaskan untuk menyelaras dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan sekuriti makanan negara.

KEDUDUKAN MALAYSIA

Bagaimana kedudukan terkini negara dalam *Global Food Security Index*?

Kedudukan negara dalam *Global Food Security Index (GFSI) 2020* oleh *The Economist Intelligence Unit (EIU)* telah menunjukkan peningkatan satu anak tangga, daripada tangga ke-44 pada tahun 2019 ke tangga ke-43 dalam kalangan 113 buah negara, namun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan yang berterusan. Seperti yang disarankan oleh EIU, beberapa aspek perlu diberi perhatian dalam memperkukuh sekuriti makanan negara, antaranya ketidakstabilan pengeluaran hasil pertanian, kebergantungan import makanan, kebergantungan ekonomi terhadap sumber semulajadi, akses ke data mudah alih dan pembiayaan kewangan serta kemampunan sumber semulajadi.

IMPORT DAN EKSPORT MAKANAN RUI

Sejauh mana negara berdiri atas kaki sendiri dalam menghasilkan makanan dan tak bergantung kepada import?

Walaupun sebahagian besar komoditi makanan utama dihasilkan secara tempatan, negara masih bergantung kepada import beras dan daging untuk memenuhi permintaan domestik. Tambahan pula, terdapat komoditi makanan yang tidak sesuai untuk dihasilkan dalam negara berikutan ketidaksesuaian iklim tempatan. Malah, ada antaranya tidak ekonomikal dan lebih murah diimport daripada dihasilkan dalam negara.

Ada faktor lain mempengaruhi import makanan?

Di samping itu, perubahan dalam pola pemakanan rakyat juga mempengaruhi peningkatan import makanan. Oleh yang demikian, salah satu strategi yang perlu diteliti dalam memperkukuh dan menjamin kemampunan sekuriti makanan hendaklah berteraskan usaha untuk mencapai keseimbangan yang lebih baik antara makanan yang diimport dan makanan yang dihasilkan dalam negara.

CABARAN

Apa cabaran MAFI dalam mengharungi hari mendatang dan pelan perancangan?

Berdasarkan dapatan daripada kluster-kluster dasar sekuriti makanan negara, MAFI telah merangkumkan cabaran sekuriti makanan negara mengikut beberapa kategori. Pertama,

peningkatan penduduk dan permintaan makanan. Kedua, peningkatan kos sara hidup dan harga makanan, yang ketiga ialah malnutrisi dan obesiti.

Ada cabaran-cabaran lain?

Selain itu, kita juga melihat tahap produktiviti yang rendah, intensif buruh dan populasi petani berumur. Cabaran lain, pelaburan swasta dan R&D yang masih rendah, tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang rendah, di samping perubahan iklim serta kemampunan sumber semula jadi.

Di antara semua yang disenaraikan, apa cabaran paling utama industri makanan dalam musim pandemik ini?

Salah satu aspek yang perlu diberi keutamaan dalam menyahut cabaran sekuriti makanan adalah dengan memastikan keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan di pasaran. Oleh yang demikian, kuasa beli adalah perhal utama yang perlu ditangani dalam memudahcara keperluan dan akses rakyat kepada makanan. Tanpa kuasa beli, kebolehcapaian rakyat terhadap makanan yang berkhasiat untuk memenuhi keperluan diet nutrisi akan terjejas.

Bagaimana pula kerajaan melihat kepentingan meningkatkan pengeluaran makanan?

Adalah penting untuk kita memberi perhatian khusus dalam meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik bagi memastikan ketersediaan makanan yang mencukupi selain dapat menjamin kestabilan harga makanan. Dalam hal ini, usaha-usaha untuk mempelbagaikan sumber import serta kerjasama dalam bidang diplomasi makanan juga amat perlu bagi kesinambungan bekalan makanan yang tidak dapat dihasilkan dalam negara. Di sini, saya melihat peranan teknologi moden adalah penting bagi memaksimumkan produktiviti ke arah mencipta sistem makanan yang lebih stabil, selain dapat mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dan guna tenaga asing.

PELAN TINDAKAN

Jadi, merumuskan semua ini, apa pelan tindakan kerajaan bagi menjamin kelangsungan industri



Di sini, saya melihat peranan teknologi moden adalah penting bagi memaksimumkan produktiviti ke arah mencipta sistem makanan yang lebih stabil, selain dapat mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dan guna tenaga asing."

makanan negara?

Pada masa ini, satu Pelan Tindakan yang mendukung aspirasi Dasar Sekuriti Makanan Negara sedang dibangunkan bagi menangani cabaran sekuriti makanan dengan mengambil kira saranan dan pandangan pelbagai pihak berkepentingan meliputi kementerian, agensi, ahli akademik, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Cadangan Pelan Tindakan ini merangkumi beberapa teras strategik.

Boleh ulas lanjut?

Pertama, memfokuskan inisiatif untuk memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan sebagai langkah pragmatik untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem ini, berteraskan skala ekonomikal dan pertanian mampan. Kedua, untuk memberi tumpuan kepada inisiatif untuk memperkasa kajian dan penyelidikan berteraskan sekuriti makanan ke arah meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan dan input pertanian seperti makanan ternakan, baka dan benih berkualiti secara domestik.

Ada lagi teras strategik yang lain?

Ketiga, langkah bertujuan memperkasa ketersediaan data sekuriti makanan bagi mengenal pasti dan memantau tahap sekuriti makanan

penduduk Malaysia berdasarkan lokaliti. Selain itu, untuk menterjemah aspirasi keselamatan makanan sebagai tanggungjawab bersama memfokuskan usaha untuk memperluas kolaborasi strategik berteraskan sekuriti makanan antara kementerian, kerajaan-kerajaan negeri dan juga sektor swasta. Akhir sekali, kerajaan juga memberi tumpuan kepada pengukuhan tadbir urus merentas jabatan dan agensi untuk merapatkan jurang dalam sistem makanan bagi meningkatkan kecekapan pemantauan sekuriti makanan negara.

INDUSTRI HILIRAN AGROMAKANAN TERKESAN

Di peringkat kementerian, sejauh mana MAFI melihat kesan pandemik ke atas industri hiliran dalam sektor agromakanan?

MAFI, tanpa gagal, akan meneruskan usaha untuk memastikan ketersediaan makanan yang mencukupi dan stabil sepanjang masa dengan mengambil kira keperluan pengeluaran makanan yang bernutrisi untuk rakyat. Di samping itu, pendapatan petani, nelayan, penternak dan pengusaha makanan serta daya saing sektor agromakanan juga merupakan antara faktor yang akan diberi perhatian dalam menjamin kemampunan sistem makanan.

Jadi apa langkah nak tingkatkan produktiviti dalam pada negara dilanda pandemik ini?

MAFI di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) akan memberi penekanan kepada inisiatif untuk meningkatkan produktiviti, memperkasa sistem sokongan dan perkhidmatan serta memperkukuh rantaian nilai makanan ke arah meningkatkan daya tahan sistem makanan secara menyeluruh. Maka, pembangunan sektor agromakanan di bawah RMKe-12 akan dipacu menerusi usaha-usaha modenisasi dengan memberi tumpuan kepada perluasan adaptasi mekanisasi dan automasi untuk terus meningkatkan sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Ada lagi usaha MAFI memperkasa keselamatan makanan?

Komitmen MAFI untuk mempertahankan sekuriti makanan negara juga diperlihatkan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0, 2021-2030 (DAN 2.0). Dasar ini akan menyokong pelaksanaan agenda Sustainable Development Goals (SDGs) 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, selain menyumbang kepada pencapaian aspirasi Malaysia dalam konteks ekonomi, pengurusan sosial dan kemampunan alam sekitar di bawah sektor agromakanan bagi tempoh sedekad yang akan datang. Saya percaya keberkesanan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menjamin kemampunan sistem makanan akan dapat diukur menerusi pencapaian negara dalam indikator domestik dan antarabangsa seperti Tahap Sara Diri (SSL), Kadar Bergantungan Import (IDR), *Global Food Security Index (GFSI)* dan SDGs.



KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani akan meneruskan usaha memastikan ketersediaan makanan yang mencukupi dan stabil sepanjang krisis pandemik Covid-19.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	27

35 tan makanan haiwan tanpa permit dirampas

RANTAU PANJANG -Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas sebuah lori yang membawa 35 tan makanan haiwan apabila gagal memamerkan label pada pembungkusan pada Rabu lalu.

Rampasan menerusi operasi di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang di sini dibuat pada jam 11 pagi.

Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At berkata, pihaknya mendapati barang dagangan itu tidak mematuhi syarat import Maqis seperti permit, lesen dan perakuan.

“Rampasan membabitkan nilai berjumlah RM70,000,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Roslan berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Per-

khidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Katanya, dalam pemeriksaan berasingan, pihaknya telah merampas 210 kilogram (kg) serai yang bernilai RM600 di lokasi sama.

“Pemeriksaan mendapati bahan mentah ini diseludup masuk secara haram dari Thailand tanpa permit sah daripada Maqis,” katanya.

Jelas beliau, pihaknya sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

“Maqis Kelantan sentiasa komited dalam menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk negara ini bagi memastikan haiwan, karkas ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikro organisma yang masuk mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan,” katanya.



Sebuah lori yang dikesan membawa 35 tan makanan haiwan tanpa permit Rabu lalu.

UNGGAS BAWA WABAK

Maqis kesan penyakit selepas burung pada 330 burung dirampas

Oleh Hajar Umira Md Zaki
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Selangor mengesan penyakit Avian Influenza atau selepas burung pada 330 burung dirampas, baru-baru ini.

Wabak itu dikesan dari-pada beberapa sampel diambil dan didapati positif ketika menjalani kuarantin di Stesen Kuarantin Haiwan dan diuji di Makmal Kesihatan Awam Veterinar (MKAV).

Maqis menerusi satu kenyataan semalam berkata, prosedur ujian berkenaan dijalankan untuk mencegah wabak penyakit serta boleh menyebabkan industri ternakan unggas negara terjejas sekiranya tidak dibendung pada peringkat awal.

Katanya, semua burung dirampas dilupuskan me-



WABAK dibawa burung boleh menjejaskan industri ternakan unggas negara.

ngikut Prosedur Operasi Piawalan ditetapkan pada jam 9 pagi kelmarin,

"Langkah ini diambil bagi menjamin keselamatan ke- luaran pertanian yang ma- suk ke dalam negara ter- jamin dan mematuhi syarat



BURUNG yang dirampas dihapuskan.

"Pihak Maqis sentiasa ko- mited dengan tindakan pe- nguatkuasaan di semua pin- tu masuk negara dan akan terus diperkasa bagi me- mastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara," kata- nya.

Menurutnya, adalah men- jadi satu kesalahan sekira- nya terdapat pengimportan

tumbuhan, binatang, karkas dan sebagainya dengan pe- nyakit.

Malah, pihak terbabit bo- leh dikenakan tindakan me- ngikut Seksyen 14(a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan jika di- sabit kesalahan boleh diden- da RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2021	KOSMO AHAD	NEGARA	14

Maqis lupus burung yang dirampas di KLIA 330 burung Afrika positif influenza

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

SEPAANG - Sebanyak 330 ekor burung pelbagai jenis yang diimport dari Mali, Afrika dilupuskan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) selepas didapati positif penyakit Avian Influenza atau selesema burung.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, kesemua burung itu telah ditahan di pintu masuk kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada 13 Mei lalu sebelum dihantar ke stesen kuarantin haiwan KLIA untuk proses kuarantin selama 14 hari.

Katanya, semasa tempoh kuarantin, beberapa sampel telah diambil daripada burung tersebut dan kemudian dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Veterinar (MKAV) pada 16 Mei lalu.

"Bagaimanapun, hasil ujian makmal yang dikeluarkan pada 18 Mei lalu mendapati burung tersebut positif pengesanan penyakit Avian Influenza (selesema burung).

"Prosedur ujian ini perlu dilakukan bagi mencegah penularan penyakit ini yang dikhuatiri jika tidak dikawal boleh menyebabkan industri ternakan unggas negara terjejas," katanya semalam.

Maqis memberitahu, kesemua burung yang bernilai RM23,190 itu kemudiannya dilupuskan pukul 9 pagi pada 27 Mei lalu di stesen kuarantin haiwan KLIA.

"Proses pelupusan dijalankan mengikut prosedur operasi piawaian yang ditetapkan," ujarnya.

Maqis memaklumkan, kesemua burung yang ditahan terdiri daripada jenis Green Turaco (Tauraco Persa), Violet Turaco (Musophaga Violacea), Senegal Parrot (Poicephalus Senegalus), Rose Ring Parakeet (Psittacula Krameri) dan Singing Finch (Seri-



MAQIS merampas burung yang didapati positif selesema burung yang dirampas di KLIA, Sepang pada 13 Mei lalu.

CONTOH burung jenis Violet Turaco.



nus Mzkambicus).

"Kes itu disiasat mengikut Sekyen 14(a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana melakukan pengimportan binatang, karkas dan sebagainya dengan penyakit.

"Jika disabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," ujar Maqis.



SYAHRUL NIZAM menunjukkan air dari parit yang terpaksa disedut ke sawahnya ekoran masalah air di Endau, Mersing semalam.

Lima tahun pesawah derita berdepan masalah kurang air

MERSING - Kira-kira 30 pesawah di Endau di sini berdepan dilema yang sama sejak kira-kira lima tahun lalu apabila masalah air yang berlaku masih tidak selesai sehingga kini.

Pesawah, Syahrul Nizam Zainal, 30, berkata, masalah itu dihadapi pesawah di blok satu hingga lima di Endau apabila setiap kali tiba waktu menanam semula, mereka terpaksa mengeluarkan belanja tambahan sehingga ribuan ringgit untuk menyedut air dari parit ke kawasan sawah.

Katanya, jika pesawah menggunakan enjin untuk mengepam air, langkah itu akan mengambil masa lebih sehari untuk memenuhkan air di sawah sekali gus meningkatkan kos petrol.

"Kami pesawah terpaksa mencari inisiatif sendiri dengan menyedut air dari parit selain mengharap hujan dan rahmat buat kami setiap kali tiba musim menanam semula.

"Kos untuk mengepam air sahaja menelan perbelanjaan yang tinggi sehingga menyebabkan kami tiada untung. Kami juga ada butang yang perlu dijelaskan seperti hutang jentera selain kos meracun," katanya

kepada pemberita semalam.

Syahrul berkata, bukan sahaja pihak berwajib yang pernah turun melihat permasalahan itu, malah menteri juga telah datang ke kawasan tersebut, namun masalah berkenaan masih belum berjaya diselesaikan.

Ujarnya, antara cadangan yang pernah diajukan sebelum ini bagi mengatasi masalah itu adalah menyelaraskan penjadualan air empangan dengan aktiviti tanaman padi pesawah.

"Dalam setahun, sebanyak dua kali musim tanaman padi dijalankan di Endau. Jadi pada pandangan peribadi saya kena selaraskan semula penjadualan pelepasan air empangan dengan aktiviti tanaman padi.

"Kalau pesawah kena pam sendiri air sekali pun dari sistem parit sedia ada, parit mestilah diselenggara supaya aliran air cepat.

"Sekarang ini sistem perparitan sedia ada pun banyak rumpuk yang tumbuh sehingga menyebarkan proses menyedut air akan memakan masa," ujarnya.

Justeru, para pesawah berharap pihak berwajib tampil membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi.